

ISU DAN CABARAN SAUDARA BAHARU DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN AWAL

Noreha Che Abah, Asmawati Suhid &
Fathiyah Mohd Fakhrudin

ABSTRAK

Islam adalah agama yang diturunkan oleh Allah s.w.t untuk memberi rahmat kepada seluruh manusia dan makhluk. Justeru, ini memperlihatkan semakin hari semakin ramai orang bukan Islam tertarik dengan agama Islam. Pertambahan muallaf (saudara baru) ini memberi satu petunjuk bahawa pihak yang terlibat menguruskan hal ehwal saudara baharu perlu berusaha keras bagi mengekalkan kejayaan tersebut supaya lebih sistematik lagi dimasa akan datang. Masa kini, terdapat pelbagai pertubuhan diwujudkan bagi menguruskan hal ehwal saudara baharu dengan menyediakan pelbagai bentuk program, pendidikan atau bimbingan kepada saudara baharu dalam memimpin dan mendedahkan kepada mereka tentang keindahan dan kebenaran Islam. Oleh itu, badan- badan yang bertanggungjawab sama ada badan kerajaan atau pun badan NGO perlu memberi lebih perhatian kepada mereka agar terus konsisten dan beristiqamah terhadap Islam. Ini kerana untuk membimbing saudara baharu supaya mereka teguh dengan agama Islam bukannya perkara yang mudah kerana pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi oleh mereka bagi menuju kebenaran Islam termasuk cabaran dari segi pengurusan, kewangan, ekonomi, psikologi dan pertembungan budaya. Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh saudara baharu dalam kehidupan mereka.

Katakunci: cabaran, saudara baharu, muallaf, bimbingan

MUALLAF ISSUES AND CHALLENGES: A PRELIMINARY REVIEW

ABSTRACT

Islam is a religion that was revealed by Allah to give blessing to all human beings and creatures. Thus, this shows the increasingly many non-Muslims interested in Islam. The increase in Muallaf is an indication that the parties involved in managing the affairs of Muallaf need to work hard to sustain the success in order to be more systematic in the future. Nowadays, there are various organisations

established to manage Muallaf by providing various forms of programmes, education or guidance to converts in leading and exposing them to the beauty and truth of Islam. Therefore, the organisations that are responsible either government organisations or NGOS should pay more attention to them to continue to be consistent in order to keep their faith in Islam. This is because to guide converts so that they can have firm believe in Islam is not a simple thing because there are various challenges they have to face to strive to the truth of Islam comprising the challenges of management, finance, economy, psychology and clash between cultures. Hence, this paper will discuss issues and challenges faced by Muallaf in their lives.

Keywords: *challenges, new brother, muallaf, guidance*

PENDAHULUAN

Di Malaysia, individu yang baru memeluk Islam digelar saudara baharu atau pun muallaf. Umumnya gelaran ini diberikan oleh orang Melayu kepada orang-orang Cina, India dan bangsa lain yang memeluk Islam (Amran Kasimin, 1985). Di dalam al-Quran misalnya dalam surah al-Taubah ayat 60, Istilah muallaf atau “*mualafatu qulubuhum*” bermaksud individu yang dijinakkan hatinya untuk cenderung kepada agama Islam. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa golongan *muallaf* atau disebut juga sebagai saudara baharu merupakan golongan yang diberikan perhatian dalam Islam. Sebagai contoh, dari segi hak menerima pembahagian zakat, golongan *muallaf* merupakan salah satu golongan yang berhak menerima zakat. Sebagaimana maksud firman Allah S.W.T dalam surah al-Taubah ayat 60 iaitu, “*Sesungguhnya zakat itu adalah untuk orang fakir, miskin, pengurus zakat, muallaf yang berjinak hatinya dengan Islam, hamba, orang yang berhutang, orang yang berjuang di jalan Allah serta orang yang dalam musafir dan terputus bekalan*”. Ini menunjukkan bahawa, Islam tidak pernah meminggirkan golongan saudara baharu.

Agama Islam merupakan agama yang membawa keamanan, kedamaian dan kesejahteraan (Asmawati Suhid, 2009). Islam juga merupakan agama yang mengiktiraf bahawa manusia merupakan modal berharga dalam membina bangsa yang bertamadun (Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd. Fakhruddin, Samsilah Roslan, Lukman Abdul Mutalib dan Mohd. Aderi Che Noh, 2014). Oleh itu, tidak hairanlah jika agama Islam diterima baik dan menarik minat orang bukan Islam

3 | Isu dan Cabaran Saudara Baru di Malaysia: Satu Tinjauan Awal

untuk memilih Islam sebagai anutannya. Tambahan pula, agama Islam adalah bersifat universal iaitu sesuai untuk semua manusia tanpa mengira bangsa dan warna kulit. Ini menyebabkan saban hari semakin ramai orang bukan Islam tertarik dengan agama Islam. Jika ditinjau situasi kini, didapati ramai orang bukan Islam tertarik dan memilih Islam sebagai agama untuk dianuti. Ini dapat dilihat berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM), pada tahun 2016, jumlah saudara baharu yang memeluk agama Islam di Malaysia adalah seramai 9400 orang, 9200 orang pada tahun 2017 dan pada tahun 2018 pula adalah seramai 8340 orang (Perbualan telefon dengan pegawai JAKIM, Januari 2019). Ini memberi petunjuk bahawa pihak kerajaan seperti Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri serta pihak NGO perlu berusaha keras bagi mengekalkan kejayaan tersebut dalam menguruskan hal ehwal muallaf supaya lebih sistematik lagi dimasa akan datang. Namun begitu, Hakikatnya penyebaran dakwah bukan sesuatu yang mudah kerana ianya mempunyai cabaran yang tersendiri terutamanya pihak penerima dakwah. Realitinya individu yang baru memeluk Islam perlu menempuh banyak cabaran yang terpaksa ditempuhi oleh saudara baharu bagi menuju ke jalan kebenaran Islam. Antara isu dan cabaran yang dihadapi oleh saudara baharu dapat dilihat dari aspek pengurusan saudara baharu, ekonomi, psikologi dan sosial atau pertembungan adat dan budaya.

Pengurusan Saudara baharu

Saudara baharu di Malaysia, diberi perhatian dan bimbingan yang khusus dalam membentuk keperibadian untuk menuju kebenaran Islam di samping mendalami ilmu Islam. Dengan kata lain, mereka diberi pendidikan dan disediakan pelbagai program yang dianjurkan oleh badan-badan dakwah yang terlibat bagi membentuk kefahaman Islam dalam diri mereka. Dalam konteks Malaysia, badan kerajaan yang menguruskan hal ehwal saudara baharu di peringkat negeri adalah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Kedua-dua agensi ini bertanggungjawab menguruskan hal ehwal saudara baharu iaitu pendaftaran muallaf, menyediakan bantuan kewangan dan kebajikan melalui peruntukan zakat dan mengajurkan kelas pendidikan. Siti Adibah & Siti Zubaidah (2018) merekodkan bahagian atau unit khusus yang mentadbir hal ehwal saudara baharu di setiap negeri adalah berbeza sebagai contohnya di Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang adalah di bawah kelolan JAIN sepenuhnya manakala bagi negeri Selangor dan Pahang di bawah

4 | Isu dan Cabaran Saudara Baru di Malaysia: Satu Tinjauan Awal

MAIN. Selain itu, bagi negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu pula, kedua-dua MAIN dan JAIN saling berperanan dan mempunyai tugas khusus dalam menguruskan saudara baharu (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Walau bagaimanapun, unit atau bahagian yang mengelola hal ehwal saudara baharu di bawah MAIN atau JAIN adalah berbeza namanya di setiap negeri antaranya Unit Ukhuwah dan Unit Saudara Kita.

Selain itu, badan bukan kerajaan (NGO) juga ditubuhkan untuk menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan saudara baharu seperti Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA) (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Misalnya, PERKIM Pusat telah menubuhkan Institut Dakwah Islamiah (IDIP) yang bertapak di Pengkalan Chepa, Kelantan bagi memenuhi keperluan PERKIM dalam memberi pendidikan dalam kalangan saudara baharu. Malah IDIP juga menawarkan kursus pengajian Islam secara formal dengan memberikan sijil-sijil seperti Sijil Asas Pengajian Islam (SAP) dan Sijil Pengajian Islam (SPI) berdasarkan kelulusan yang ditawarkan (Razaleigh Muhamat & Marlon Pontino; 2014). Ini menunjukkan bahawa badan NGO juga memainkan peranan yang penting dalam pembangunan saudara baharu iaitu dengan memberi bimbingan kepada mereka tentang ajaran Islam. Dengan ini, badan NGO dikatakan lebih aktif dalam menguruskan hal ehwal berkaitan dengan saudara baharu (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018).

Di samping itu, menurut Siti Adibah & Siti Zubaidah (2018) kedua-dua badan kerajaan dan NGO ini saling bekerjasama dalam menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan saudara baharu tetapi bahagian tertentu sahaja dan kerjasama antara kedua-dua agensi ini dapat dibezakan mengikut negeri. Contohnya di negeri Selangor, MAIN dan NGO saudara baharu saling berkerjasama sama ada dari hal ehwal pengislaman dan pendaftaran, pendidikan, program, kebajikan, dana dan mesyuarat rasmi tetapi di Wilayah Persekutuan kerjasama kedua-dua badan tersebut hanya melibatkan hal ehwal pengislaman dan pendaftaran serta dana sahaja (Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail, 2018). Secara umumnya, pihak kerajaan dan NGO masing-masing saling berperanan dalam menguruskan hal ehwal saudara baharu dengan menyediakan pelbagai kemudahan bagi membimbing mereka ke arah kebenaran Islam.

Namun begitu, yang menjadi isu atau permasalahannya ialah pengurusannya yang tidak selaras di antara organisasi tersebut. Hal ini dibuktikan dengan hasil kajian Syarul Azman, Hanis Najwa, Muhmamad Yusuf, Mustafa Kamal & Akmal Syazan (2017) yang berkisarkan cabaran dan permasalahan mualaf dan penyelesaiannya bahawa tidak keselarasan aktiviti dakwah contohnya Hidayah Centre Foundation (HCF) telah menganjurkan program street dakwah yang menjadi program mingguan tetapi terdapat badan-badan lain tidak menyokong program tersebut. Ketidakselarasan aktiviti dakwah ini, secara tidak langsung akan membawa kepada kepelbagaian bentuk dan pendekatan dakwah yang akan mengelirukan saudara baharu dalam memahami dan menghayati Islam (Syarul Azman et. al, 2017). Di samping itu juga, timbul isu tentang pelaksanaan pengurusan kurang sesuai dan menyukarkan mualaf memeluk Islam. Keadaan ini diakui oleh saudara baharu menyatakan proses pengislaman merumitkan mereka kerana terlalu banyak syarat yang dikenakan sehingga mereka terpaksa datang berulang kali (Wan Mohd Fazrul Azdi, Azman, Irwan, Mahazan, Nuradli, Rose Irnawati & Norlina, 2015). Sistem pengurusan saudara baharu yang tidak sistematik ini juga akan memberi kesan kepada mereka untuk mendekati dan mendalami Islam. Oleh itu, segala perkara yang melibatkan hal ehwal saudara baharu perlu diberi perhatian yang serius agar pegangan mereka kekal dalam agama Islam.

Cabaran segi sumber pendapatan

Cabaran saudara baharu juga dapat dirungkaikan melalui aspek sumber pendapatan. Khadijah, Azarudin, Suraya, Nur Farhana, Wan Adli dan Khairul Nizam (2017) merekodkan bahawa saudara baharu menghadapi kehilangan pekerjaan, kehilangan hak tuntutan harta pusaka dan kebanyakan mereka juga akan disingkir oleh keluarga kandung kerana memilih agama Islam. Malah ada segelintir daripada saudara baharu terpaksa berhenti kerja kerana pekerjaan yang sebelumnya bercanggah dengan syariah Islam seperti pekerjaan di premis-premis judi atau pun arak (Siti Fatimah, Nadhirah, Siti Khatijah & Siti Hajar, 2018). Di samping itu juga, terdapat saudara baharu dibuang pekerjaan sejourus majikan yang bukan Muslim mengetahui keislamannya. Isu juga ditambah dengan pihak-pihak yang terbabit tidak mampu memberikan pekerjaan baru kepada saudara baharu untuk melansungkan kehidupannya selepas memeluk Islam (Marlon, 2014). Ini akan menyebabkan masalah kesempitan hidup dan kehilangan sumber pendapatan mereka selepas memeluk Islam (Siti Fatimah et.al, 2018).

Seterusnya, cabaran bukan sahaja dari segi sumber pendapatan atau pun berkaitan pekerjaan sahaja tetapi juga membabitkan hak mendapatkan harta pusaka keluarga. Ini kerana dikatakan bahawa apabila mereka memilih Islam sebagai pegangan hidup mereka tidak diberi hak untuk mewarisi harta pusaka daripada keluarganya (Abdul Ghafar, Anuar Puteh & Razaleigh Muhamat, 2017). Ini kerana mereka dianggap sebagai pengkhianat kepada agama nenek moyang, asal usul, keturunan, budaya dan warisan mereka (Ab. Halim, Mariam, Muhammad Yusof & Syarul Azman, 2016). Malah perbuatan mereka amat dibenci kerana menganggap Islam hanya untuk orang Melayu dan ini merupakan satu perbuatan penghinaan kepada bangsa mereka (Syarul Azman et.al, 2017). Kebanyakan saudara baharu menerima nasib yang sama apabila memilih agama Islam, malah mereka juga ada yang didesak oleh ahli keluarga yang bukan Islam untuk kembali kepada agama asal (Siti Fatimah, Nadhirah, Siti Khatijah & Siti Hajar, 2018). Rentetan dari cabaran ini juga menjadi salah satu faktor saudara baharu memilih untuk kembali kepada agama asal. Jika perkara ini tidak dapat diselesaikan dengan baik kebarangkalian untuk saudara baharu mengambil keputusan kembali kepada agama asal (Syarul Azman et.al, 2017).

Bagi meringankan beban kepada mereka, dalam Islam itu sendiri menunjukkan keprihatinan dengan adanya pembahagian zakat kepada mereka. Tambahan pula, pembahagian zakat secara menyeluruh dan efisien dapat memberi semangat kepada golongan saudara baharu dalam mengharungi kehidupan yang baru (Azman, Irwan, Nuradli, Mahazan, Wan Mohd Fazrul, Rose Irnawaty & Norlina, 2015). Jika dirujuk kepada hasil kajian Azman et.al (2015) yang berkisarkan tentang Skim bantuan zakat asnaf Mualaf merekodkan bahawa terdapat 34 jenis bantuan yang disediakan kepada Mualaf merangkumi bantuan asas yang diperlukan antaranya bantuan kewangan, sara hidup dan perubatan. Skim bantuan yang diagihkan adalah berbeza mengikut institusi zakat di setiap negeri sama ada melalui Unit Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri atau pun Pusat Zakat Negeri. Contohnya, hanya negeri Terengganu, Johor, Melaka, Wilayah Persekutuan serta Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) menyediakan bantuan kewangan kepada saudara baharu. Negeri Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Sabah, Sarawak, Perlis dan Perak pula menyediakan skim bantuan lain antaranya bantuan sara hidup dan bantuan makanan. Di samping itu juga, hanya empat negeri sahaja yang menyediakan bantuan sara hidup yang diberikan secara bulanan

iaitu negeri Terengganu, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak. Walaupun terdapat perbezaan jenis skim bantuan mengikut negeri yang diagihkan kepada saudara baharu tetapi tujuannya adalah sama iaitu untuk menjaga kebajikan saudara baharu (Azman et.al, 2015).

Psikologi

Menurut definisi Kamus Dewan (2005), psikologi membawa tiga maksud. Pertama ialah kajian tentang proses mental dan pemikiran, terutamanya berkaitan dengan perlakuan manusia dan haiwan. Kedua, ia bermaksud pola pemikiran dan perlakuan seseorang atau kumpulan tertentu. Ketiga, psikologi ialah bermaksud kebijaksanaan memahami sifat manusia. Menurut Nur A'tiroh Masyaa'il & Fariza (2009) psikologi merupakan kajian tentang proses mental dan pemikiran terutamanya berhubung dengan perlakuan manusia dan haiwan. Secara umumnya, dapat disimpulkan bahawa psikologi adalah merujuk kepada kajian jiwa, tingkah laku dan mental manusia. Cabaran psikologi merupakan salah satu cabaran yang terpaksa ditempuhi oleh saudara baharu kerana ia mempunyai hubungan tingkah laku dan proses mental yang berlaku dalam diri mereka (A'tiroh Masyaa'il & Fariza, 2009)

A'tiroh Masyaa'il & Fariza (2009) merekodkan bahawa dalam mencari kebenaran agama, individu yang bukan Muslim akan membuat analisis dan membuat penilaian terhadap kebenaran sesuatu agama yang sesuai dengan fitrah dirinya. Akhirnya, apabila mereka telah mengenalpasti agama yang dapat memenuhi keperluan hati iaitu ketenangan dirinya, maka mereka akan terus menerus mencarinya sehingga mendapati agama Islam itu menepati kehendak fitrah tabii manusia. Fitrah tabii yang dimaksudkan ialah berkehendakkan ketuhanan yang hak dan beramal dengan ajaran-Nya sehingga dirinya merasai ketenangan dan kebahagiaan yang mutlak (A'tiroh Masyaa'il & Fariza, 2009). Tetapi dalam proses pencarian kebenaran sesuatu agama itu tersebut, mereka akan menghadapi situasi kesamaran, ketidakpercayaan, kekeliruan dan kesangsian dalam diri mereka yang akhirnya membawa kepada cabaran spiritual dalam pencarian dan menentukan agama yang seiring dengan fitrah dirinya (A'tiroh Masyaa'il & Fariza, 2009).

Secara tidak langsung ini menunjukkan bahawa dalam proses mencari kebenaran bukannya sesuatu yang mudah. Ini kerana mereka akan mengalami konversi agama di mana mereka menukar kepercayaan anutan agama asalnya kepada kebenaran Islam. Menurut Mohamed

Asin dalam penulisan Zulkiple (2006), individu yang melakukan pertukaran agama akan mengalami lima peringkat: Pertama ialah peringkat tenang, iaitu mereka tidak mempersoalkan tentang kebenaran agama yang baru dianuti; begitu juga, tidak wujudnya dorongan untuk mencari sesuatu yang baru dan segala rutin kehidupannya berjalan seperti biasa. Contohnya kisah yang direkodkan oleh Zulkifle (2006) di mana Dr Jeffery Lang yang merupakan seorang Prof. Madya di Jabatan Matematik, *University of Arkansas* yang menyatakan bahawa pada peringkat ketenangan ini, tiada persoalan atau dorongan untuk bertanya atau mempersoalkan secara mendalam berkaitan kehidupan dan agama yang baru dianuti (Zulkiple, 2006).

Kedua ialah peringkat konflik kepercayaan, iaitu mereka sedang mencari kekuatan dalaman dalam proses peneguhan kepercayaan baru; Mereka akan mendapatkan maklumat tentang agama Islam dan pengetahuan agama Islam dalam pemikirannya akan dapat membantu mereka untuk memilih Islam sebagai pegangan barunya. Dr Jeffery Lang yang menceritakan bagaimana timbulnya konflik kepercayaan beliau terhadap kebenaran Kristianiti apabila beliau selalu berhujah tentang konsep kasih sayang, keadilan, manusia dan dosa yang selalunya tidak berakhir dengan jalan penyelesaian menyebabkan beliau memilih menjadi ateis. Pertemuan beliau dengan beberapa orang Muslim menjadikan pemikirannya dapat membezakan tentang kebenaran dan kebatilan (Zulkiple, 2006).

Ketiga merupakan peringkat konversi iaitu peringkat pertembungan emosi untuk mengakui kebenaran Islam; ini menyebabkan mereka terdorong untuk memeluk Islam dengan mencari atau mempelajari, mendalami, menghayati dan seterusnya mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupannya. Contohnya, disebabkan tekanan dalaman mengakui kebenaran Islam, Dr Jeffery Lang mengambil keputusan untuk ke masjid untuk memeluk Islam. Keempat ialah peringkat tenang semula, iaitu peringkat individu yang melakukan konversi merasa tenang dalam menganuti agama Islam; pada peringkat ini merupakan masa saudara baharu berhadapan dengan alam baru iaitu pengubahsuaian cara hidup untuk berhadapan dengan ahli keluarga dan masyarakat sekeliling. Pada masa yang sama, mereka akan menghadapi cabaran yang mengganggu ketenangan jiwa mereka selepas memeluk Islam. Dimana peringkat ini dialami oleh Dr Jeffery Lang yang mana beliau menghadapi tekanan daripada masyarakat Melayu-Islam yang lebih kuat berbanding masyarakat Cina tetapi

disebabkan beliau dapat menghadapi cabaran tersebut iaitu dengan menghampiri komuniti Islam dan menambah maklumat tentang Islam melalui dialog dengan orang Muslim. Ini menyebabkan beliau dapat keperingkat seterusnya iaitu peringkat penghayatan dan pengukuhan (Zulkiple, 2006).

Peringkat penghayatan dan pengukuhan amalan merupakan peringkat terakhir. Peringkat ini adalah untuk meningkatkan kepercayaan agama baru dimana peringkat ini lebih kepada menghayati dan mengamalkan ajaran Islam tanpa sebarang gangguan dan paksaan. Peringkat ini menyebabkan Dr Jeffery Lang lebih mendalami Islam sehingga mampu membangkitkan isu tentang pakaian wanita yang dipraktikkan oleh wanita Saudi, Afrika dan Malaysia (Zulkiple, 2006). Jika diteliti untuk melalui setiap peringkat terlalu banyak cabaran yang terpaksa ditempuhi oleh saudara baharu bagi menuju ke jalan kebenaran Islam terutamanya dari segi psikologi. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa proses penyesuaian diri dengan agama baru memang mencabar kehidupan golongan muallaf iaitu cabaran kepada mental dan emosi mereka untuk berjinak-jinak dengan Islam. Cabaran psikologi ini juga dikatakan berlaku rentetan daripada cabaran lain di awal pengislamannya antara segi kewangan dan tentangan keluarga dan diberhentikan kerja oleh majikan. Cabaran ini akan membawa kepada mereka mengalami tekanan daripada segi psikologi seperti kemurungan, kekeliruan, kerisauan dan kegelisahan yang tinggi, stress dan lebih dari itu ialah hilang akal (Nur A'tiroh Masyaa'il & Fariza, 2009). Dalam kajian Nur Ain Sumaiyah & Noor Aishah (2018) merekodkan majoriti responden iaitu 38% saudara baharu mengalami kemurungan tahap sederhana dan seramai 20% mengalami kemurungan tahap tinggi. Akibat daripada pelbagai cabaran dan masalah yang dihadapi oleh saudara baharu tidak mustahil boleh membawa kepada masalah psikologi kepada mereka seperti kemurungan (Asmawati, Abd Muhsin, Fathiyah & Noreha, 2019).

Pertembungan adat dan budaya

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana mempunyai pelbagai bangsa, budaya dan agama. Setiap bangsa atau kaum tersebut adat dan budaya berbeza. Pengertian adat menurut Kamus Dewan Bahasa (2005) merupakan suatu peraturan yang sudah diamalkan secara turun-temurun (sejak dahulukala) di dalam sesuatu masyarakat sehingga menjadi hukum dan peraturan yang harus dipatuhi. Manakala budaya pula bererti suatu cara hidup manusia yang

mencakupi cara berfikir, merasa dan bertindak dan merupakan elemen utama dalam peradaban (Khairiah, 2014). Ini kerana budaya akan mempengaruhi manusia dalam usaha meletakkan kedudukan dirinya pada aras kedudukan yang tertinggi atau pun terkebelakang dalam peradaban (Khairiah, 2014). Sememangnya setiap suku kaum mempunyai budaya yang tersendiri dan mempunyai keunikan sama ada berasaskan kepada agama yang dianuti atau pun berasaskan amalan tradisi dari turun temurun (Asmawati, Abd Muhsin, Fathiyah & Noreha, 2019).

Dalam konteks Malaysia, bangsa Melayu sinonim dengan agama Islam sehingga ada yang menggelarkan Melayu itu Islam dan Islam itu Melayu (Surya Sintang, 2005). Malah, saudara baharu yang tidak dapat menjalani kehidupan dengan mengamalkan budaya orang Melayu, besar kemungkinan mereka akan dipinggirkan dan sukar diterima oleh masyarakat Melayu itu sendiri (Syarul Azman, Hanis Najwa, Muhammad Yusof, Mustafa kamal & Akmal syazana; 2017). Dalam pada masa yang sama, ramai kaum lain khasnya kaum cina yang masih tidak mengetahui dan memahami nilai, budaya dan sistem kepercayaan orang Melayu dan begitulah sebaliknya (Ab. Halim et al, 2016). Pertembungan kepelbagaian budaya yang ditempuhi ini menyebabkan mereka sukar mengkategorikan di antara budaya yang diamalkan oleh masyarakat Islam Melayu dengan ajaran Islam yang sebetulnya. Tambahan pula, masalah ini lebih merumitkan apabila masyarakat Melayu Islam mengharapkan mereka yang baru memeluk Islam mengamalkan budaya Melayu dan ini menyebabkan terdapat dalam kalangan mereka yang baru memeluk Islam sering mempersoalkan mengapa mereka tidak boleh meneruskan budaya mereka sebelum Islam (Sayyid Buhar, Mohd Syukri & Zawiyah, 2013). Senario ini menyebabkan berlakunya pertembungan budaya dan ini merupakan salah satu cabaran yang terpaksa ditempuhi oleh saudara baharu.

Dalam kajian Razaleigh (2016) yang berkisarkan tentang cabaran intergrasi budaya yang dijalankan di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kuala Lumpur yang melibatkan 100 orang responden mendapati item cabaran integrasi budaya yang mencatatkan min yang tinggi adalah kesukaran saudara baharu untuk membezakan amalan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu dengan ajaran Islam. Dalam pada masa yang sama Syarul Azman & Razaleigh (2014) merekodkan bahawa tahap kefahaman penerimaan dan interaksi golongan Cina muallaf terhadap budaya Melayu pada tahap sederhana.

Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa mereka masih membina kefahaman, penerimaan dan interaksi terhadap kebudayaan masyarakat Melayu. Hal ini lebih parah apabila ramai orang Islam lebih mementingkan budaya atau adat berbanding dengan ajaran Islam dan terdapatnya orang Islam yang sekeliling tidak mengamalkan cara hidup Islam yang syumul menyebabkan saudara baharu sukar mengaplikasikan ajaran Islam dalam segenap kehidupan (Siti Fatimah et.al, 2018). Walaupun kepelbagaian adat dan budaya melambangkan keunikan sesuatu kaum atau bangsa tetapi realitinya ia tidak boleh dipandang ringan kerana ia menjadi salah satu cabaran kepada saudara baharu dalam mengenali dan mempraktikkan kebenaran Islam dalam kehidupan mereka. Justeru, masyarakat Islam perlunya mengamalkan budaya dan adat Islam yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam agar kesyumulan agama Islam dapat difahami dengan jelas oleh saudara baharu (Asmawati, Abd Muhsin, Fathiyah & Noreha, 2019).

KESIMPULAN

Secara umumnya, untuk melalui proses pertukaran agama asal bukanlah sesuatu yang mudah. Saudara baharu memilih Islam semestinya untuk mendapatkan ketenangan dan kesejahteraan hidup tetapi mereka perlu menghadapi cabaran yang telah dibincangkan. Penerimaan dan sokongan masyarakat sekeliling sangat penting dan tidak membiarkan mereka menghadapi segala permasalahan dan cabaran tersebut sendirian. Dengan kata lain, umat Islam perlu memberi sokongan dan bimbingan kepada mereka agar terus yakin dan beriman kepada Allah swt supaya mereka tidak lagi terpesong kepada agama asal. Malah semua masyarakat Islam harus berkerjasama bagi mengambil langkah yang proaktif bagi memberi semangat atau motivasi, memberi bantuan dan perhatian yang serius kepada golongan ini agar mereka sentiasa kuat dan tabah menghadapi ujian bagi menuju jalan kebenaran bagi mencapai keredhaan Allah s.w.t.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar, Anuar Puteh & Razaleigh Muhamat. (2017). Isu dan Cabaran Dalam Dakwah Saudara Baharu. Akses pada 10 Oktober 2019 di https://www.researchgate.net/publication/319477805_Isu_Dan_Cabaran_Dalam_Dakwah_Saudara_Baru
- Amran Kasimin. (1985). *Saudara baru Cina di Wilayah dan Selangor*. Bangi: Universiti Putra Malaysia.
- Asmawati Suhid. (2009). Pendidikan Akhlak dan Adab Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd. Fakhruddin, Samsilah Roslan, Lukman Abdul Mutalib dan Mohd. Aderi Che Noh. (2014). Private Islamic Primary School Teachers' Commitment in Human Capital development in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, Vol. 5, 27, 2014.
- Asmawati Suhid, Abd. Muhsin Ahmad, Fathiyah Fakhruddin & Noreha Che Abah. (2019). Aplikasi 'Urf dalam Amalan adat dan budaya saudara baharu di Malaysia; Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Humanities, Philosophy, Language*. Volume 2 (5), 65-77.
- A'tiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah & Fariza Md Sham. (2009). Keperluan Memahami Psikologi Saudara Baharu. *Jurnal Hadhari Bil.2*, 83-97.
- Azman Ab Rahman, Irwan Mohd Subri, Mahazan Abdul Mutalib, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Wan Mohd Fazrul Azli Wan Razali, Rose Irnawaty Ibrahim, Siti Nurunnajwa Shamsudin, Nusaibah Musaddad & Norlina Ismail. Penerimaan Penggunaan Istilah Muallaf dalam Kalangan Muallaf di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research* 252 (3645), 1-24, 2015.
- Nur Ain Sumaiyah Abdullah @ Sumitra A/P Valaitham & Noor Aishah Rosli. (2018). Kemurungan dalam kalangan Mualaf di Pusat Pengajian PERKIM Wilayah Persekutuan. *Journal of Psychology & Counselling*. 5 (1), 52-63.
- Marlon P. Guleng, Razaleigh Muhamat@Kawangit & Abu Dardaa Mohamad. (2014). Penyesuaian Diri Mualaf Terhadap Masyarakat Dalam Kalangan Pelajar Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). *Jurnal al-Hikmah*, Vol 6, 78-93.
- Razaleigh Muhamat @Kawangit & Marlon Pontino Guleng. (2014). Respon Muallaf terhadap Pendidikan dan Latihan Amali yang dilaksanakan oleh Institut Dakwah Islamiah PERKIM, Kota Bahru Kelantan. Dlm. Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar. *Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Razaleigh Muhamat@ Kawangit. (2016). Pembangunan dakwah muallaf di Malaysia: Cabaran dalam masyarakat. Akses pada 9 Nov. 2019 di <https://www.researchgate.net/publication/303023907>
- Sayyid Buhar Musal Kassim, Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Zawiyah Baba. (2013). A survey of problems faced by converts to Islam in Malaysia. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*. 8(1), hal. 1-13.
- Syarul Azman Shahrudin, Hanis Najwa Shahrudin, Muhmamad Yusuf Marlon Abdullah, Mustafa Kamal Amat Misra & Akmal Syazan Fauzan. (2017). Cabaran dan permasalahan Mualaf dan Penyelesaian oleh Hidayah Centre Foundation (HCF). Akses pada 10 Oktober 2019 di <http://conference.kuis.edu.my/isra/eprosiding/pdf/021-ISRA-2017.pdf>

- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. (2018). Pengurusan Muallaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Jurnal Usuluddin* 46 (2), 97-122
- Siti Fatimah Salleh, Nadhirah Nordin, Siti Khadijah Ismail & Siti Hajar Mohamad Yusoff. (2018). Cabaran dan Implikasi pengurusan dokumentsi saudara baru. *Prosiding seminarantarabangsa al-quran dalam masyarakat komtemporari*, fakulti pengajian kontemporari Islam (fki), universiti sultan zainal abidin (Unisza).
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. (2018). Pengurusan Muallaf di Malaysia: kerjasam dinamik anatar agensi kerajaan dan bukan kerajaan. *Journal of islamic social sciences and humanities*. Vol 16, 133-155.
- Suraya sintang. (2005). Sejarah Perkembangan Muallaf di Sabah; peranan dan sumbangan USIA (United Sabah Islamic Association). *Journal al-tamaddun*, bil 1, 51-90.
- Zulkiple Abd. Ghani. (2006). Konversi Agama: Memahami Psikologi dan Komunikasi berkesan kepada Saudara Baru. Dlm. Fariza Md. Sham, Siti Rugayah Tibek & Othman Talib (penyt). *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Noreha Che Abah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Univesiti Putra Malaysia
43400 Serdang
E-mail: chenoreha18@gmail.com

Prof. Madya Dr. Asmawati Suhid
Fakulti Pengajian Pendidikan
Univesiti Putra Malaysia
43400 Serdang
E-mail: asmawati@upm.edu.my

Dr. Fathiyah Mohd Fakhruddin
Fakulti Pengajian Pendidikan
Univesiti Putra Malaysia
43400 Serdang
E-mail: fathi@upm.edu.my